

Pasar raya catu pembelian minyak masak

um 2/11

KUANTAN 1 Nov. - Masalah kekurangan bekalan minyak masak di daerah ini sejak beberapa hari lalu menyebabkan pengguna dikenakan catuan pembelian bahan berkenaan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di sebuah pasar raya di Jalan Lim Hoe Lek di sini mendapati, hanya bekalan minyak masak berasaskan kacang tanah dan jagung dijual manakala pembelian minyak masak pekete satu kilogram (kg) dihadkan kepada dua pekete bagi setiap pelanggan.

Seorang pekerja di sebuah pasar raya yang hanya dikenali sebagai Yusof mendakwa, bekalan baharu yang tidak sampai menyebabkan berlaku kekurangan bahan berkenaan.

Katanya, walaupun menerima banyak rungutan daripada pengguna, pengurusan pasar raya

tersebut tidak mempunyai pilihan kerana bekalan baharu belum dihantar oleh pemborong.

"Keadaan ini menyebabkan pelanggan mendakwa kami menyorokkan bekalan minyak masak untuk meraih keuntungan. Kami jual apa yang ada tetapi menghadkan pembelian dua pekete bagi minyak masak satu kilogram bagi memberi keadilan kepada semua pelanggan.

"Kami tidak mempunyai jawapan tentang bila pemborong akan menghantar semula bekalan tersebut dan berharap orang ramai memahami situasi yang berlaku," katanya.

Sementara itu, seorang pembeli yang hanya mahu dikenali sebagai Hayati berkata, dia terkejut apabila mendapati bekalan minyak masak botol yang biasa dibelinya sebelum ini kehabisan stok.